

Penilaian Bahasa

Rapiah Abdul Aziz & Mohd. Rosli Mohd. Ghazali
Lembaga Peperiksaan
Kementerian Pelajaran Malaysia

Pendahuluan


Penilaian dalam pendidikan adalah istilah yang luas yang meliputi semua kegiatan untuk mendapatkan maklumat untuk tujuan membuat sesuatu keputusan. Pengujian adalah satu alat yang selalu digunakan. Oleh itu dalam perlaksanaan rancangan pelajaran, selalu dilakukan kegiatan menilai pencapaian murid-murid, menilai kesukaran pembelajaran yang dihadapi murid-murid, menilai kebaikan dan keburukan sesuatu strategi pembelajaran dan pengajaran dan menilai bahan-bahan kurikulum untuk mengetahui sama ada bahan-bahan tersebut sesuatu atau tidak. Untuk mencapai tujuan di atas, ujian tertentu harus dijalankan bagi memperolehi maklumat-maklumat yang diperlukan. Daripada maklumat-maklumat ini dapatlah dibuat keputusan sama ada mengadakan pengajaran pemulihan atau memperbaiki kaedah pengajaran atau mengkaji semua kurikulum.

Dalam kertas kerja ini istilah penilaian adalah digunakan untuk maksud kedua-duanya iaitu melakukan pengujian dan membuat keputusan.

Hubungan penilaian dengan pengajaran

Di negara kita penilaian mendapat kedudukan yang penting dalam sistem persekolahan, malah nampaknya seperti penilaianlah yang menentukan pengajaran. Ini mungkin berlaku kerana penilaian dibuat dari luar sekolah iaitu dari satu pusat luar. Penilaian seperti ini hanya dilakukan pada akhir sesuatu program pengajaran dan pembelajaran sahaja. Keputusan penilaian juga mungkin dapat mendedahkan kelemahan-kelemahan. Apa yang penting bukanlah peratus yang berjaya tetapi langkah susulan yang harus diambil untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan itu.

Satu model untuk menggambarkan hubungan penilaian dengan pengajaran adalah seperti di bawah ini:



Dalam sesuatu rancangan pengajaran terlebih dahulu perlu ditentukan asas kemahiran yang ada pada murid-murid yang akan diajar. Asas ini dikatakan tingkah laku awal. Penentuan ini penting kerana ia akan membolehkan guru-

guru mengetahui di mana ia harus memulakan pengajarannya. Penilaian yang dilakukan di awal persekolahan atau pengajaran, secara formal atau tidak formal, adalah penting untuk mendapatkan maklumat tingkah laku awal ini.

Penilaian di akhir sesuatu peringkat persekolahan atau pengajaran adalah penting juga, kerana ia akan menentukan tingkah laku akhir murid-murid. Tingkah laku ini akan menunjukkan kemajuan yang telah tercapai ataupun kelemahan yang terdapat dalam pembelajaran dan ini haruslah diikuti dengan usaha susulan seperti pengajaran pemulihan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut.

Penilaian Bahasa

Dalam sesuatu program pengajaran dan pembelajaran bahasa, sebelum membuat sesuatu penilaian beberapa persoalan penting perlu diberi jawapannya dahulu. Misalnya mengapa menilai, apakah yang hendak dinilai dan bagaimanakah caranya.

Mengapa menilai

Ada beberapa sebab mengapa penilaian dibuat dan antaranya ialah.

- (i) untuk mengetahui kemajuan atau pencapaian murid dalam pelajaran mereka. Ini berkaitan dengan sukanan pelajaran dan bahan-bahan yang digunakan dalam pengajaran dalam jangka masa yang tertentu. Sejauh manakah bahan-bahan itu telah difahami. Keputusan dari penilaian ini boleh digunakan untuk melihat kedudukan murid dalam darjahnya, kumpulannya ataupun membandingkannya dengan murid-murid lain. Penilaian seperti ini dibuat oleh Lembaga Peperiksaan pada peringkat Darjah V, Tingkatan III dan V Peperiksaan SRP dan SPM ini juga digunakan untuk pensijilan dan pemilihan ke jurusan tertentu.
- (ii) Untuk mengetahui kelemahan-kelemahan dalam mata pelajaran tertentu supaya usaha pengajaran pemulihan dapat dijalankan. Ujian Darjah Tiga bolehlah dianggap sebagai ujian jenis ini iaitu ujian diagnostik di mana kemahiran-kemahiran asas dalam bahasa (verbal) dan Matematik (quantitative) diperincikan dan diuji.
- (iii) Untuk mendapatkan maklumat mengenai kemampuan atau potensi seseorang murid untuk mengikuti sesuatu bidang pelajaran dengan jayanya. Dengan mengadakan ujian bakat (aptitude test) kita boleh meramalkan kejayaan seseorang di dalam sesuatu kursus yang bakal diikutinya. Keputusan daripada ujian ini juga boleh digunakan untuk menyalurkan seseorang kepada jurusan di mana ia mempunyai minat dan kemampuan untuk berjaya.

Apakah yang hendak diuji dan bagaimana

Sesudah objektif mengadakan penilaian dibuat, maka timbul pula soalan apakah yang hendak diuji dan bagaimana pula caranya.

Bahasa terdapat dalam dua bentuk iaitu lisan dan tulisan dan kemahiran berbahasa melibatkan pendengaran, pertuturan, bacaan dan penulisan. Dalam menilai bahasa i nilai kemahiran hendak diambil kira dan diuji. Untuk tujuan ini perlulah ditetapkan dahulu isi kandungan ujian itu. Ini dibuat ber-

dasarkan sukatan pelajaran dan bahan-bahan yang digunakan dalam pengajaran. Selain dari itu hendaklah ditetapkan juga peringkat atau darjah bahasa murid yang hendak diuji, tahap-tahap soalan mengikut *taxonomy* (misalnya menguji hanya setakat pengetahuan sahaja, kefahaman, penggunaan, analisa, sintaksis ataupun penilaian) dan para kesukaran tiap-tiap soalan itu. Di sini apa yang dilakukan ialah menentukan bawaha ujian itu sah. Konsep kisahan ini dengan ringkas bermaksud sejauh mana sesuatu ujian itu dapat mengukur apa yang hendak diukur atau dinilai.

Di samping kisahan ini satu perkara lagi yang harus diambil perhatian ialah kebolehpercayaan ujian itu. Ini melibatkan ketepatan dan kesetabilan markah sesuatu ujian dalam mengukur apa yang diuji.

Menguji Lisan (Mendengar dan Bertutur)

Lisan dan tulisan adalah komponen bahasa. Dalam pembelajaran bahasa penekanan seharusnya dimulai dengan mendengar dan seterusnya bertutur. Inilah caranya kanak-kanak mengenali dan mempelajari bahasa. Apabila mendapat pelajaran dengan cara formal di sekolah baharulah diajar kemahiran yang lebih kompleks seperti membaca dan menulis. Oleh itu dalam menilai bahasa, kita mulakan dengan lisan.

Lisan pula boleh dibahagikan kepada dua kemahiran iaitu mendengar dan bertutur (aural/oral).

Menguji kefahaman mendengar bertujuan untuk mengetahui sejauh mana murid memahami apa yang dipertuturkan. Apa yang dipertuturkan itu mungkin terdiri daripada perkataan-perkataan, satu ayat, satu pernyataan, satu soalan ataupun satu penerangan yang agak panjang.

Cara mengujinya pula boleh menggunakan alat perakam ataupun disebut terus oleh seorang pemeriksa. Ujian ini juga boleh dibuat secara objektif. Murid-murid dihadapkan dengan beberapa soalan berdasarkan apa yang telah mereka dengar dan mereka menjawab dalam kertas jawapan yang disediakan. Ini dapat diproses dengan cepat dan efisen.

Kemahiran bertutur adalah satu kemahiran yang susah diuji dengan tepat. Pertuturan melibatkan kemahiran yang kompleks yang memerlukan seseorang menggunakan berbagai kebolehan dalam satu masa yang sama. Bolehlah dikatakan proses pertuturan terdiri daripada komponen berikut

- 1 Sebutan dan pengucapan
2. Tatabahasa
- 3 Perbendaharaan kata
4. Kefasihan
- 5 Kefahaman

Oleh itu dalam menguji pertuturan perkara yang tersebut di atas hendaklah diambil kira. Apa yang diperlukan ialah kebolehan bertutur dengan fasih dalam keadaan tak formal mengenai hal-hal persendirian, kemasyarakatan, ilmu pengetahuan, dan lain-lain.

Cara yang paling sesuai dan selalu digunakan untuk pengujian pertuturan ialah dengan mengadakan temuramah (interview). Ujian ini memerlukan seorang ataupun dua orang pemeriksa terlatih untuk menjalankan temuramah itu dan penilaian dibuat berdasarkan satu Aturan Pemarkahan yang telah ditetapkan. Aturan Pemarkahan ini mengandungi 1. perkara-perkara yang

hendak dinilai, 2. *ratingnya*. Selalunya dibuat dari 1 hingga ke 5 dan tiap-tiap satu diberi penerangan ringkas perlakuan yang diharapkan.

Bacaan dan Kefahaman

Bacaan dan kefahaman ini adalah peringkat yang lebih tinggi daripada peringkat mendengar dan bertutur tadi. Di samping kemahiran mendengar dan bertutur ini ditambah pula kemahiran menulis dan membaca. Dalam bacaan apa yang dinilai ialah penyebutan, kepitan dan rentak.

Dalam menguji kefahaman, pula, calon atau murid dikemukakan beberapa soalan berdasarkan petikan yang telah dibaca untuk mengetahui sama ada ia memahami atau tidak apa yang telah dibaca. Seperti dalam Ujian Lisan SPM, soalan kefahaman ini ditanya terus oleh pemeriksa. Ini juga melibatkan aspek aural kerana calon terpaksa memahami soalan yang didengarnya itu.

Kefahaman ini boleh juga diuji secara objektif (anika pilihan).

Menguji Penulisan

Penulisan adalah satu aspek penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Ia melibatkan perakaman fikiran, pengetahuan, pengalaman dan perasaan seseorang. Oleh itu kemahiran ini perlulah diuji. Cara yang selalu dibuat ialah dengan mengadakan ujian karangan. Satu atau beberapa tajuk dikemukakan kepada murid-murid dan mereka dikehendaki menulis satu karangan dalam jangka masa tertentu ataupun bilangan perkataan yang ditetapkan. Kebolehan yang diuji ialah.

1. memilih, mengumpul dan menyusunatur idea-idea, hujah-hujah dan bahan-bahan berkaitan dengan tajuk dan melahirkan dengan jelas dan berkesan.
2. menguasai teknik mengarang berbagai bentuk karangan
3. menggunakan bahasa dengan betul dari segi tatabahasa
4. menulis dengan gaya yang sesuai dan menarik

Dalam menilai kemahiran menulis ini perlulah juga disentuh dengan ringkas cara pemarkahan yang dilakukan. Ada dua cara, iaitu yang pertama, cara *impression* ataupun *global*. Pemeriksaan ini memerlukan seorang pemeriksa membuat pertimbangan menyeluruh selepas membaca sesuatu karangan Karangan-karangan yang dibaca dimasukkan ke dalam kumpulan. Misalnya. Kumpulan 1 — lemah, 2 — sederhana, 3 — baik dan 4 — cemerlang (boleh juga dibahagikan lagi ke dalam 5 kumpulan ataupun lebih). Pembahagian ini adalah berdasarkan perlakuan keseluruhan kumpulan.

Dalam peperiksaan yang penting elok juga pemeriksaan dibuat sekali lagi oleh seorang lagi pemeriksa yang berpengalaman dan hitung panjang kedua diambil. Ada juga yang mengambil jumlah markah kedua-duanya.

Cara pemarkahan yang kedua ialah cara perincian (Analytical Method). Di sini pembahagian markah diperincikan mengikut apa yang hendak diam-bil kira. Misalnya pemarkahan dibahagikan kepada bahasa, isi, gaya dan pengolahan. Bagi markah bahasa mungkin dibuat potongan pada kesalahan-kesalahan nahu, ejaan, struktur ayat dan lain-lain. Begitu juga dari segi isi ditentukan perkara-perkara yang hendak diberi markah. Oleh itu perhatian yang lebih amatlah perlu bila membuat pemarkahan menurut cara ini.

Hasil atau keputusan daripada penilaian ini dapat menggambarkan

kek uatan dan kelemahan murid dalam kemahiran bahasa. Dari itu dapatlah dibuat keputusan atau tindakan susulan yang bersesuaian dengan tujuan membuat penilaian itu.

Penutup

Sebagai penutup suka kami nyatakan di sini bahawa dalam kertas kerja ini kami cuba membentangkan kaitan penilaian dengan pengujian dan seterusnya dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa. Seperti yang telah dijelaskan penilaian ini boleh dibuat di peringkat awal, pertengahan ataupun akhir sesuatu program pembelajaran dan pengajaran.

Kami rasa pendekatan kami terhadap penilaian bahasa ini telah dibuat sebegini simpel dan mudah dan kami cuba mengelak daripada soalan-soalan yang rumit seperti kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu ujian yang kami seniuh dengan sebegini ringkas. Walau bagaimanapun ini adalah aspek yang sangat penting dalam sesuatu ujian.

Kertas kerja ini bukan sahaja mudah juga agak terlalu umum pendekatannya. Kami tidak pun menyebut ataupun mengaitkan penilaian ini dengan bahasa pertama, kedua ataupun asing (foreign language). Kami percaya sebagai dasar penilaian bahasa adalah sama tetapi tidak dapat dinafikan bahawa pengajaran dan objektif bahasa pertama, kedua dan asing mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri.

Kami mengakhiri dengan membuat *quotation* dari buku *Educational Evaluation. Theory & Practice* oleh Blaine R. Worthen & James R. Randers mengenai istilah penilaian.

“Penilaian adalah pendekatan terhadap harga/nilai sesuatu benda, ini termasuklah mendapatkan maklumat untuk digunakan di dalam mempertimbangkan nilai sesuatu program, keluaran, prosedur atau matlamat ataupun potensi kegunaan pendekatan-pendekatan alternatif yang direka untuk mencapai matlamat-matlamat khusus”¹
penilaian dipandang sebagai suatu proses mengenal dan mengumpul maklumat untuk membantu pembuat-pembuat keputusan di dalam pemilihan terhadap pilihan-pilihan keputusan yang ada”¹

RUJUKAN

- Azman Wan Chik (?). *Ujian Bahasa Malaysia. Panduan dan Teknik*. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Ebel, R.L. (1972). *Essentials*. Prentice Hall , Inc.
- Harris, David P (1925). *Testing English as a Second Language* Mc Graw Hill
- Kementerian Pelajaran Malaysia, Pusat Perkembangan Kurikulum *Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia 1979, Tingkatan IV dan V*
- Kementerian Pelajaran Malaysia, Lembaga Peperiksaan. *Sukatan Pelajaran 1980/81/82 Bahasa Malaysia*

Mohamed Ali Ithnin (1979) *Penilaian dan Peperiksaan — Satu Syarahan bagi Kursus Latihan Nazir-Nazir Baru.*

Oller, John W , Jr (?) *Language Tests at School* Longman.

Worthen, Blaine R. & Randers, James R. (1973). *Educational Evaluation. Theory and Practice* — Belmont, California. Wadsworth Publishing Company, inc